



## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



## PING PONG BERPASUKAN

### **1. PENGANJURAN & PENGELOLAAN**

- 1.1 Kejohanan ini dianjurkan dan dikelolakan bersama oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KESUVET) Ibu Pejabat (DVS) dan Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KSKV) Negeri Perak

### **2. PERATURAN AM**

- 2.1. Pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang ‘International Table Tennis Federation’ yang berkuatkuasa dan telah diterima oleh Persatuan Ping Pong Malaysia.
- 2.2. Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang- undang asal akan dipatuhi.
- 2.3. Kejadian di luar jangkaan yang tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
  - 2.3.1. Sebarang kejadian perkara-perkara bukan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola.
  - 2.3.2. Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan berasaskan kepada undang-undang ‘International Table Tennis Federation’ yang berkuatkuasa dan telah diterima oleh Persatuan Ping Pong Malaysia.
- 2.4 Selain daripada peraturan diatas, Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran kejohanan ini.
- 2.5 Mematuhi Peraturan Tetap dan Peraturan Am KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN JABATAN.
- 2.6 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah **MUKTAMAD**.

### **3. PENDAFTARAN**

- 3.1. Setiap kontinjen hendaklah mendaftarkan sekurang-kurangnya **enam (6)** orang **TETAPI** tidak melebihi **lapan (8)** orang termasuk **dua (2)** orang pemain wanita serta **satu (1)** orang pegawai/jurulatih.
- 3.2. **Seorang (1)** pemain hanya dibenarkan mengambil **SATU (1)** kategori sahaja
- 3.3. Pendaftaran nama-nama pemain, pegawai/jurulatih hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang pendaftaran yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 3.4. Hanya pemain-pemain berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian.
- 3.5. Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan berhak meminta kad pengenalan bagi tujuan pengesahan/pemeriksaan kesahihan pemain pada bila-bila yang difikirkan perlu.
- 3.6. Kelayakan pemain (peserta) adalah seperti dalam **Peraturan Am Perkara 11**.



## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



## PING PONG BERPASUKAN

### 4. ACARA-ACARA

Format susunan acara-acara adalah seperti berikut:

- 4.1.1. Perseorangan Lelaki
- 4.1.2. Beregu Lelaki
- 4.1.3. Beregu Campuran

### 5.0 SISTEM PERTANDINGAN

5.1 Sebagaimana terkandung didalam **PERATURAN AM PERKARA 15.**

### 6.0 PEMBERIAN MATA DAN PENENTUAN KEMENANGAN

#### 6.1 SISTEM LIGA

PENENTUAN	MATA / MARKAH
Menang	3
Kalah	0

- 6.1.1 Pasukan yang mendapat jumlah mata terbanyak akan menjadi johan kumpulan.
- 6.1.2 Jika terdapat **HANYA** dua (2) pasukan yang mendapat mata yang sama, pasukan yang telah mengalahkan lawannya di peringkat kumpulan akan dikira pemenang.
- 6.1.3 Jika lebih dari dua (2) pasukan yang mendapat mata yang sama, maka tatavara mengikut susunan kaedah berikut akan diambilkirauntuk menentukan pemenang:
  - a. Bilangan perlawanan (*no. of matches*) – Nisbah menang dan kalah (*the ratio win and loss*)
  - b. Bilangan permaianan (*no. of games*) – Nisbah menang dan kalah (*the ratio win and loss*)
  - c. Bilangan mata permaian (*no. of points*) – Nisbah menang dan kalah (*the ratio win and loss*)

### 7.0 MASA PERTANDINGAN

- 7.1 Semua perlawanan akan dijalankan mengikut susunan jadual yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.
- 7.2 Sekurang-kurangnya **tiga puluh (30)** minit sebelum bermulanya perlawanan tiap-tiap pasukan hendaklah mengemukakan nama pemain kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan menggunakan borang yang telah disediakan.
- 7.3 Sekiranya pasukan yang bertanding gagal hadir pada masa perlawanan yang dijadualkan akan diberi masa tangguhan selama **sepuluh (10)** minit. Jika setelah tamat tempoh masa yang diberikan, pasukan tersebut tidak juga hadir maka **KEMENANGAN PERCUMA** akan diberikan kepada pasukan lawan yang hadir.



## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



## PING PONG BERPASUKAN

### **8.0 WAKTU BERMULA SESUATU PERLAWANAN**

8.1 Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti yang tercatat di dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN ATAU JAWATANKUASA PENGELOLA.**

### **9.0 PERATURAN LAIN**

9.1 Seseorang pemain yang mengalami kecederaan atau kekejangan urat/otot semasa bermain akan diberi **lima (5) minit** untuk dipulihkan dengan kebenaran terlebih dahulu daripada Pengadil. Masa tambahan tidak akan dibenarkan lagi bagi kecederaan selanjutnya..

9.2 Pemain dibolehkan minum semasa permainan sedang berlangsung atas kebenaran pengadil sahaja.

9.3 Pemain yang gagal menghadirkan diri ke gelanggang untuk sesuatu acara selepas **lima (5) minit** panggil pertama dibuat akan dikira tidak bertanding dan kemenangan percuma akan diberikan kepada pemain lawan yang hadir.

9.4 Setiap pasukan adalah bebas untuk menentukan pemain yang layak bermain asalkan mengikut urutan perlawanan dan senarainya yang diserahkan sebelum perlawanan bermula.

9.5 Tiada pertukaran pemain dibenarkan setelah Borang Pendaftaran Perlawanan diserahkan.

### **10.0 PERALATAN PERTANDINGAN**

10.1 Penggunaan bat adalah seperti berikut:-

**10.1.1** Getah yang digunakan hendaklah yang diluluskan oleh ITTF.

**10.1.2** Berlainan warna pada ke dua permukaan. warna getah yang dibenarkan ialah merah dan hitam.

**10.1.3** Sebarang getah atau ‘pimple’ yang telah diubahsuai adalah tidak dibenarkan.

10.2 Jawatankuasa Pengelola akan menyediakan bola semasa pertandingan. Manakala bola untuk latihan tidak akan dibekalkan.

### **11.0 PAKAIAN**

11.1 Pemain hendaklah berpakaian sukan, berbaju T dan berseluar pendek atau track berwarna gelap. Baju hendaklah dimasukkan ke dalam seluar (tuck-in).

11.2 Pakaian berwarna putih, berbelang, berjalur atau berbatik adalah dilarang kecuali mendapat persetujuan pihak lawan.

11.3 Semua pemain dalam satu pasukan hendaklah memakai jersi yang seragam.

11.4 Pemain diwajibkan memakai kasut sukan bertapak getah dan **DILARANG** memakai selipar atau kasut kulit.



KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI

## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



## PING PONG BERPASUKAN

### **12.0 PENGADIL**

12.1 Jawatankuasa Pengelola akan melantik para pegadil / Pegawai Pertandingan yang berkelayakan setelah berunding dengan Pegawai Teknikal yang bertauliah dan tertakluk kepada **PERATURAN AM**.

12.2 Laporan perlawanan akan dibuat oleh pengadil di dalam borang yang disediakan selepas perlawanan dijalankan dan diserahkan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

### **13.0 DISIPLIN PASUKAN**

13.1 Setiap pengurus pasukan dan jurulatih adalah bertanggungjawab menjaga disiplin para pemain. Sekiranya terdapat sebarang salah laku atau pelanggaran disiplin yang menyebabkan kelancaran perlawanan terganggu, tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pasukan tersebut berpandukan kepada laporan pegawai perlawanan dan pengadil perlawanan.

13.2 Lain-lain adalah sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am.

### **14.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN / MENARIK DIRI / MENYERAH KALAH / MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA**

14.1 Sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am Perkara 18.

### **15.0 JAWATANKUASA TATATERTIB / JURI RAYUAN**

15.1 Sila rujuk Peraturan Am Perkara 21, Perkara 22 dan Perkara 23.

### **16.0 JADUAL PERLAWANAN**

16.1 Jawatankuasa Pengelola akan menetapkan jadual perlawanan mana-mana pasukan tidak dibenarkan meminda mana-mana jadual perlawanan.

### **17.0 UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH**

17.1 Sila rujuk Peraturan Tetap Perkara 12.



## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



## PING PONG BERPASUKAN

### **18.0 PEGAWAI YANG DIHUBUNGI**

Nama	:	En. Liew Chun Seng
Jawatan	:	Pengurus Pertandingan Sukan Ping Pong Berpasukan
No. H/P	:	019-526 2638
emel	:	sukandvs@gmail.com

Nama	:	
Jawatan	:	Timbalan Pengurus Pertandingan Sukan Ping Pong Berpasukan
No. H/P	:	
emel	:	

Nama	:	Daud
Jawatan	:	Setiausaha Sukan Ping Pong Berpasukan
No. H/P	:	
emel	:	sukandvs@gmail.com